




Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia



PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI 2025 – 2029

Berkenaan PIDM

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM)¹. Mandat PIDM ditetapkan seperti mana di bawah Seksyen 4 Akta PIDM.



PIDM merupakan antara peserta jaringan keselamatan kewangan Malaysia bersama-sama Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia. Peserta jaringan keselamatan kewangan masing-masing mempunyai tanggungjawab yang saling melengkapi bagi memastikan kestabilan sistem kewangan Malaysia.



¹ Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 yang kemudiannya dipinda kepada Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011

KANDUNGAN

DARIPADA KEPIMPINAN KAMI

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	4
-----------------------------------	---

BAB 1: TADBIR URUS

Amalan Tadbir Urus	6
Perjalanan Integriti	10
Pelan Antirasuah Organisasi 2020 – 2024	11

BAB 2: MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS, INTEGRITI DAN INISIATIF ANTIRASUAH

Penilaian Risiko Rasuah	13
Analisis Data	13
Isu dan Cabaran	14
Pengawasan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi	14
Pelan Antirasuah Organisasi 2025 – 2029	15

BAB 3: PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

Peranan Jabatan Integriti dan Tadbir Urus, Pemilik Inisiatif dan Badan Kawal Selia	19
--	----

BAB 4: KESIMPULAN

Kesimpulan	21
------------	----

PENGHARGAAN

DARIPADA KEPIMPINAN KAMI



PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera, PIDM dengan sukacitanya melancarkan Pelan Antirasuah Organisasi (*Organisational Anti-Corruption Plan – OACP*) 2025 – 2029 yang berlandaskan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional 2024 – 2028 (*National Anti-Corruption Strategy – NACS*). OACP ini merupakan kesinambungan kepada pelan lima tahun yang terdahulu.

Dalam meraikan ulang tahun ke-20 penubuhan PIDM, kami terus komited dengan mandat untuk melindungi konsumer kewangan dan menggalakkan kestabilan sistem kewangan. OACP 2025 – 2029

merupakan salah satu komponen penting amalan tadbir urus kami dan menjadi asas kepada PIDM untuk terus melaksanakan mandat kami, bebas daripada isu-isu tadbir urus, integriti dan rasuah.

Di PIDM, kami teguh menentang sebarang bentuk amalan rasuah dan telus dalam pengendalian urusan dan hal ehwal kami. Seiring dengan itu, OACP 2025 – 2029 menumpukan kepada tiga bidang keutamaan iaitu modal insan, tadbir urus dan operasi, serta menggariskan tiga strategi untuk menangani isu yang mungkin timbul dalam bidang-bidang keutamaan tersebut. Inisiatif-inisiatif di bawah OACP 2025 – 2029 telah diamalkan sejak awal penubuhan PIDM dan diperhalusi dari masa ke masa. OACP 2025 – 2029 ini adalah rangka kerja menyeluruh untuk menangani isu-isu berkaitan dengan tadbir urus, integriti dan rasuah, serta melengkapi kawalan sedia ada kami.

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Integriti dan Tadbir Urus, Jabatan Komunikasi Korporat, serta ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi, Forum Kepimpinan dan Jawatankuasa Eksekutif, atas peranan mereka dalam merealisasikan OACP 2025 – 2029.

Rafiz Azuan Abdullah

Ketua Pegawai Eksekutif

Bab 1

TADBIR URUS



Amalan Tadbir Urus

Menanda Aras

PIDM menanda aras amalan tadbir urus dengan amalan-amalan terbaik. Ini termasuk amalan yang digariskan dalam Prinsip Tadbir Urus Baik bagi Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan dan Garis Panduan Pengurusan dan Tatakelola Badan Berkanun Persekutuan oleh Kementerian Kewangan², dan Core Principles for Effective Deposit Insurance Systems³ oleh International Association of Deposit Insurers (IADI).

Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah

Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah menggariskan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan (Pengurusan) dalam aspek tadbir urus korporat. Polisi ini berfungsi untuk menyatakan jangkaan Lembaga Pengarah terhadap Pengurusan, serta peranan Lembaga Pengarah dalam menetapkan hala tuju dan kawalan PIDM.



² Surat Pekeliling Am Bilangan 5 Tahun 2024

³ Rujuk laman web IADI www.iadi.org

Struktur Tadbir Urus

Menurut Akta PIDM, PIDM melapor kepada Parlimen melalui Menteri Kewangan. Dalam melaksanakan mandatnya, PIDM beroperasi dengan struktur tadbir urus yang mantap serta dalam rangka perundangan yang memberikan kebebasan operasi.

Deskripsi Peranan



Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah memantau pengendalian urusan dan hal ehwal PIDM secara keseluruhan serta memainkan peranan penting dalam memastikan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh, terutamanya berkaitan etika, budaya dan standard tingkah laku.



Pegawai-Pegawai Korporat

Pegawai-Pegawai Korporat adalah pegawai bebas yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Mereka adalah Setiausaha Korporat, Ketua Audit Dalaman (*Chief Internal Auditor – CIA*), Ketua Pegawai Risiko (*Chief Risk Officer – CRO*) dan Ketua Pegawai Integriti dan Tadbir Urus (*Chief Integrity and Governance Officer – CIGO*). Setiausaha Korporat menguruskan hal ehwal sekretariat korporat bagi Lembaga Pengarah. CIA, CRO dan CIGO melaksanakan fungsi-fungsi berkaitan tadbir urus masing-masing dan melapor kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit.



Pengurusan

Ketua Pegawai Eksekutif mengetuai Pengurusan dan bertanggungjawab melaksanakan arahan Lembaga Pengarah serta memastikan operasi harian PIDM berjalan lancar. Selain itu, Pengurusan juga bertanggungjawab menyokong Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tanggungjawab tadbir urus mereka.

```
graph TD
    subgraph Corporate_Employees [Pegawai-Pegawai Korporat]
        A[Setiausaha Korporat dan Kaunsel Am]
        B[Ketua Audit Dalaman]
        C[Ketua Pegawai Risiko]
        D[Ketua Pegawai Integriti dan Tadbir Urus]
    end

    subgraph Internal_Audit_Department [Lembaga Pengarah]
        E[Dua ex officio  
(Gabenor Bank Negara Malaysia dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan)]
        F[Tujuh bukan ex officio]
    end

    subgraph External_Audit_Department [Jawatankuasa Lembaga Pengarah]
        G[Audit  
Tadbir Urus  
Modal Insan dan Ganjaran  
Perancangan Penggantian]
    end

    subgraph Corporate_Management [Tadbir Urus]
        H[Sekretariat Korporat]
        I[Audit Dalaman*]
        J[Pengurusan Risiko Organisasi*]
        K[Integriti dan Tadbir Urus*]
        L[Perundangan]
        M[Modal Insan dan Pembangunan Keupayaan]
        N[Tadbir Urus dan Keselamatan Maklumat]
        O[Syariah]
        P[Pembangunan Mampan]
    end

    Corporate_Employees --> Internal_Audit_Department
    Internal_Audit_Department --> External_Audit_Department
    External_Audit_Department --> Corporate_Management
    Corporate_Management --> Internal_Audit_Department

    Internal_Audit_Department --> Parliament[Parlimen]
    Internal_Audit_Department --> Minister[Menteri Kewangan]
    Internal_Audit_Department --> Executive_Chief[Ketua Pegawai Eksekutif]

    Parliament --> Minister
    Minister --> Internal_Audit_Department
    Internal_Audit_Department --> Executive_Chief
    Executive_Chief --> Internal_Audit_Department
```

The diagram illustrates the Internal Audit Function (IAF) in Malaysia, showing the hierarchy and reporting lines. The IAF is divided into three main components: the Internal Audit Committee (IAC), the Internal Audit Department (IAD), and the External Audit Department (EAD).

- Internal Audit Committee (IAC):** The IAC is the highest body within the IAF. It is composed of the Chairman of the Audit Committee, the Chairman of the Risk Committee, and the Chairman of the Integrity and Governance Committee. The IAC reports to the Board of Directors and the Internal Audit Department.
- Internal Audit Department (IAD):** The IAD is the main body responsible for the internal audit function. It is headed by the Internal Auditor General (IAG) and consists of two ex officio members (the Governor of Bank Negara Malaysia and the Chairman of the Public Accounts Committee) and seven non-ex officio members. The IAD reports to the Parliament, the Minister of Finance, and the Executive Chairman.
- External Audit Department (EAD):** The EAD is responsible for the external audit function. It is headed by the External Auditor General (EAG) and consists of the Audit, Governance, Human Resources and Remuneration, and Planning and Replacement. The EAD reports to the Internal Audit Department.

The diagram also shows the reporting lines between the IAC, IAD, and EAD. The IAC reports to the Board of Directors and the Internal Audit Department. The IAD reports to the Parliament, the Minister of Finance, and the Executive Chairman. The EAD reports to the Internal Audit Department.

Parlimen
Membentangkan laporan tahunan PIDM

Menteri Kewangan
Melantik pengarah bukan *ex officio*

Lembaga Pengarah
Dua *ex officio*
(Gabenor Bank Negara Malaysia dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan)
Tujuh bukan *ex officio*

Jawatankuasa Lembaga Pengarah
Audit
Tadbir Urus
Modal Insan dan Ganjaran
Perancangan Penggantian

Ketua Pegawai Eksekutif

Pegawai-Pegawai Korporat
Setiausaha Korporat dan Kaunsel Am
Ketua Audit Dalaman
Ketua Pegawai Risiko
Ketua Pegawai Integriti dan Tadbir Urus

Tadbir Urus
• Sekretariat Korporat
• Audit Dalaman*
• Pengurusan Risiko Organisasi*
• Integriti dan Tadbir Urus*
• Perundangan
• Modal Insan dan Pembangunan Keupayaan
• Tadbir Urus dan Keselamatan Maklumat
• Syariah
• Pembangunan Mampan

* Fungsi bebas melapor kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit

Melapor

Melantik atas saranan Lembaga Pengarah

Menubuh

Melapor dan menasihati

Audit Luaran (Jabatan Audit Negara)

Tingkah Laku Beretika dan Pematuhan



Sejak penubuhannya, PIDM telah membangunkan Kod Konflik Kepentingan dan Kod Tatalaku dan Etika Urusan (Kod), untuk Pengarah dan kakitangannya. Kod ini memberi panduan dalam mengurus konflik kepentingan yang mungkin timbul dan memastikan tingkah laku beretika pada setiap masa. Pengarah dan kakitangan diwajibkan membuat pengisytiharan aset dan obligasi kewangan mereka, serta pengesahan pematuhan dengan Kod ini secara tahunan. Pegawai pengurusan utama diwajibkan mendedahkan sebarang hubungan dengan pihak berkaitan dengan entiti yang berurusan atau mempunyai hubungan kontrak dengan PIDM.

Pelbagai polisi dan prosedur yang berkaitan dengan perolehan, perlindungan maklumat sulit, pencegahan campur tangan luar serta pendedahan maklumat turut melengkapi Kod bagi memastikan operasi PIDM dijalankan secara beretika dan berintegriti. Kod serta polisi dan prosedur berkaitan boleh didapati di laman web PIDM di www.pidm.gov.my.

Sejak tahun 2009, PIDM telah menubuhkan Program Pematuhan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, dengan objektif untuk mencegah, mengurangkan, mengesan dan membetulkan sebarang ketidakpatuhan undang-undang, kod dan obligasi kontrak. Ia juga bertujuan memupuk budaya beretika dan komitmen terhadap pematuhan. Di bawah Program Pematuhan, PIDM menjalankan semakan tahunan terhadap undang-undang yang terpakai serta memantau pematuhan polisi dan prosedur utama serta obligasi kontrak, di mana pegawai pengurusan utama diwajibkan untuk memberi pengesahan pematuhan mereka secara tahunan. PIDM turut menyediakan latihan dan menyebarkan maklumat secara berkala kepada kakitangan berhubung Kod serta polisi dan prosedur berkaitan tingkah laku.

Pendedahan dan Pelaporan

PIDM mengamalkan ketelusan dan melaporkan perkara-perkara berkaitan tadbir urus kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang berkenaan. Butiran berkenaan perkara ini diperincikan dalam jadual berikut.

Jawatankuasa Audit

- Pematuhan terhadap (i) undang-undang yang terpakai kepada PIDM, (ii) polisi serta kod tatalaku dan etika kakitangan PIDM, dan (iii) obligasi kontrak PIDM, serta perkara-perkara berkaitan Program Pematuhan termasuk butiran latihan kakitangan berkenaan etika, integriti dan pencegahan rasuah
- Operasi dan prestasi Jabatan Audit dan Perkhidmatan Perundingan, Jabatan Pengurusan Risiko Organisasi serta Jabatan Integriti dan Tadbir Urus

Jawatankuasa Modal Insan dan Ganjaran

- Polisi utama modal insan
- Pematuhan terhadap keperluan undang-undang dan polisi korporat utama berkaitan hal ehwal sumber manusia, serta pematuhan terhadap polisi dan kod tatalaku dan etika kakitangan

Jawatankuasa Tadbir Urus

- Semakan terhadap kod dan polisi berkaitan etika dan tatalaku termasuk Kod

Perjalanan Integriti

Sebelum tahun 2022, Jawatankuasa Pematuhan Korporat bertanggungjawab terhadap pelaksanaan Program Pematuhan. Jawatankuasa ini merupakan sebuah jawatankuasa peringkat kerja yang dipengerusikan oleh Setiausaha Korporat dan Kaunsel Am serta dianggotai oleh kakitangan daripada pelbagai jabatan dalam PIDM.

Pada tahun 2022, pihak Pengurusan memutuskan bahawa penubuhan sebuah jabatan integriti dan tadbir urus bebas adalah selaras dengan aspirasi Pelan Antirasuah Nasional 2019 – 2023 (*National Anti-Corruption Plan – NACP*), untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang dikenali kerana integritinya. Penubuhan jabatan ini juga bertujuan memperkukuhkan amalan tadbir urus yang baik dan integriti dalam PIDM. Sehubungan itu, pihak Pengurusan menubuhkan Jabatan Integriti dan Tadbir Urus (*Integrity and Governance Department – IGD*) pada 1 Februari 2022.

IGD yang diketuai oleh CIGO telah mengambil alih semua fungsi yang sebelum ini dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pematuhan Korporat dan menjalankan fungsinya selaras dengan Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti dan Governans yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). IGD juga memastikan etika dan integriti menjadi sebahagian daripada budaya PIDM. Semua pegawai IGD telah memperolehi pensijilan Pegawai Integriti Bertauliah (*Certified Integrity Officer – CeIO*) oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia, sebuah institusi latihan di bawah SPRM. Jawatankuasa Pematuhan Korporat telah dibubarkan selepas penubuhan IGD.

Pelan Antirasuah Organisasi 2020 – 2024

PIDM telah membangunkan OACP pertamanya bagi tempoh 2020 – 2024 pada tahun 2020, selaras dengan NACP. Pelan lima tahun tersebut merupakan komitmen PIDM untuk memastikan urusan dan hal ehwalnya bebas daripada unsur rasuah serta isu-isu yang menjejaskan tadbir urus dan integriti.

Objektif utama OACP 2020 – 2024 adalah untuk menyediakan sebuah rangka kerja bagi menangani secara menyeluruh risiko rasuah dan tadbir urus dalam bidang keutamaannya. Matlamat akhirnya adalah untuk memastikan PIDM mengekalkan amalan tadbir urus yang baik, tahap integriti yang tinggi dan kekal bebas daripada rasuah.



Bidang Keutamaan

Operasi, kewangan dan modal insan

Strategi

- Strategi 1 – Meningkatkan kawalan dalaman
- Strategi 2 – Memupuk integriti sebagai sebahagian daripada budaya organisasi
- Strategi 3 – Memperkukuh penguatkuasaan

Inisiatif

3 jangka pendek, 3 jangka sederhana dan 14 jangka panjang

Pelaksanaan inisiatif-inisiatif OACP 2020 – 2024 dipantau oleh IGD dan dilaporkan kepada pihak Pengurusan serta Jawatankuasa Audit secara berkala. Kami dengan sukacitanya melaporkan bahawa semua inisiatif yang disenaraikan dalam OACP 2020 – 2024 telah berjaya dilaksanakan seperti yang dirancang.

Bab 2

MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS, INTEGRITI DAN INISIATIF ANTIRASUAH



Bab 2 MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS, INTEGRITI DAN INISIATIF ANTIRASUAH

Penilaian Risiko Rasuah

Penilaian risiko rasuah merupakan asas utama dalam perancangan dan pembangunan OACP 2025 – 2029. Sehubungan itu, satu sesi penilaian risiko rasuah (*corruption risk assessment* – CRA) telah dilaksanakan melalui suatu bengkel yang melibatkan ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif dan semua Ketua Jabatan. Objektif bengkel ini, antara lain, adalah untuk menilai risiko rasuah di peringkat korporat menggunakan rangka kerja CRA PIDM, menentukan kawalan yang bersesuaian serta menilai keberkesanannya. Bengkel CRA ini juga membuka peluang untuk mengenal pasti jurang-jurang yang mungkin wujud dan bidang-bidang yang memerlukan penambahbaikan berkaitan dengan kawalan dan amalan organisasi. Hasil daripada bengkel CRA tersebut telah membawa kepada pengenalpastian risiko rasuah yang berpunca daripada faktor perolehan, pemberian hadiah dan layanan, pendedahan maklumat sulit tanpa kebenaran serta faktor berkaitan modal insan.

Analisis Data

Pelbagai data dalaman dan luaran sepanjang tiga tahun lalu berkaitan tadbir urus, integriti dan pencegahan rasuah telah dianalisis.



**Data
dalaman**

- Laporan daripada audit dalaman
- Laporan daripada Jabatan Modal Insan berkaitan salah laku kakitangan
- Laporan aduan yang diterima melalui saluran pelaporan pendedahan maklumat
- Laporan aduan yang diterima melalui talian bebas tol dan e-mel pertanyaan awam PIDM



**Data
luaran**

- Laporan daripada audit luaran
- Statistik daripada SPRM berkaitan aduan rasuah terhadap PIDM

Analisis terhadap data ini menunjukkan bahawa sehingga kini, tiada sebarang ketidakpatuhan material berkaitan tadbir urus, mahupun kes berkaitan dengan tingkah laku beretika atau rasuah. Walau bagaimanapun, data tersebut digunapakai sebagai asas dalam mempertimbangkan bidang keutamaan, strategi dan inisiatif-inisiatif dalam OACP 2025 – 2029.

Isu dan Cabaran

Isu dan cabaran berkaitan dengan pelaksanaan inisiatif tadbir urus, integriti dan pencegahan rasuah telah dibincangkan dalam sebuah bengkel susulan yang disertai oleh pemilik risiko rasuah. Berikut adalah beberapa isu dan cabaran bersifat hipotesis yang telah dikenal pasti:

Isu dan Cabaran



Kesedaran dan pemahaman

Terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam kesedaran dan pemahaman kakitangan mengenai polisi dan prosedur, khususnya yang berkaitan dengan tatalaku dan perolehan. Mengambil pendekatan penglibatan yang bersasar dapat meningkatkan tahap kesedaran dan pemahaman, sekali gus mengurangkan potensi kerentanan.



Mengenal pasti konflik kepentingan

Kakitangan mungkin menghadapi cabaran dalam mengenal pasti serta mengurus kemungkinan konflik kepentingan yang boleh mengakibatkan ketidakpatuhan secara tidak sengaja. Penyediaan panduan yang jelas, contoh yang praktikal dan sokongan nasihat boleh membantu kakitangan menangani situasi ini secara berdikari.



Kebimbangan terhadap akibat pelaporan

Kebimbangan terhadap sebarang akibat boleh menghalang kakitangan daripada melaporkan salah laku melalui saluran pelaporan pendedahan maklumat PIDM. Meningkatkan kesedaran mengenai perkara yang dianggap sebagai salah laku, keperluan untuk menyuarakan kebimbangan, serta perlindungan undang-undang yang disediakan dapat mengurangkan kebimbangan.

Setelah mempertimbangkan isu dan cabaran yang dikenal pasti, para peserta bengkel telah menetapkan bidang keutamaan bagi OACP 2025 – 2029, iaitu modal insan, tadbir urus dan operasi, yang menjadi tunjang kepada strategi dan inisiatif.

Pengawasan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi (*Enterprise Risk Management* – ERM) adalah jawatankuasa pengurusan yang memantau dan memberi hala tuju berkaitan pengurusan risiko organisasi. Peranannya amat penting dalam pengurusan risiko rasuah. Jawatankuasa ERM telah memperakui rangka kerja CRA, risiko rasuah yang dikenal pasti, serta bidang keutamaan, strategi dan inisiatif-inisiatif OACP 2025 – 2029. Ini menunjukkan bahawa OACP 2025 – 2029 adalah selaras dengan strategi pengurusan risiko keseluruhan PIDM.

Pelan Antirasuah Organisasi 2025 – 2029

OACP 2025 – 2029 menggariskan tiga bidang keutamaan dan tiga strategi yang disokong oleh inisiatif-inisiatif berimpak tinggi. Inisiatif-inisiatif ini telah diamalkan sejak awal dan terus diperkukuh secara berterusan untuk memastikan ia kekal efektif dan mantap.



Visi

Untuk memperkasakan tadbir urus baik dan integriti yang tinggi



Misi

Untuk mengukuhkan tadbir urus dan integriti dalam PIDM dan mengekalkan amalan toleransi sifar terhadap rasuah

Bidang Keutamaan



Modal Insan

Strategi


Mengekalkan integriti sebagai budaya organisasi



Tadbir Urus

Strategi

Membasmi rasuah melalui amalan tadbir urus baik



Operasi

Strategi

Memastikan kemantapan dalam kawalan perolehan dan pencegahan rasuah



Bidang Keutamaan: Modal Insan

Strategi: Mengekalkan integriti sebagai budaya organisasi


Bil.	Inisiatif	Jabatan Bertanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
1	Sentiasa memupuk pemikiran berintegriti dengan mendidik dan menguji pemahaman kakitangan mengenai:		
	(a) tingkah laku beretika, konflik kepentingan dan toleransi sifar PIDM terhadap amalan rasuah	Jabatan Integriti dan Tadbir Urus	2025 – 2029
	(b) pengelasan dan pengendalian maklumat serta akibat pendedahan tanpa kebenaran	Jabatan Pengurusan dan Keselamatan Maklumat & Jabatan Integriti dan Tadbir Urus	2025 – 2029



Bidang Keutamaan: Tadbir Urus

Strategi: Membasmi rasuah melalui amalan tadbir urus baik

Bil.	Inisiatif	Jabatan Bertanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
1	Menyemak semula risiko rasuah dan keberkesanan kawalan bagi memastikan ia kekal relevan	Jabatan Integriti dan Tadbir Urus	2025 – 2029
2	Sentiasa mewajibkan pegawai pengurusan utama mendedahkan sebarang kepentingan kewangan atau hubungan dengan pihak berkaitan dan mewajibkan semua kakitangan mengisytiharkan aset serta obligasi kewangan mereka	Jabatan Integriti dan Tadbir Urus	2025 – 2029



Bidang Keutamaan: Operasi

Strategi: Memastikan kemantapan dalam kawalan perolehan dan pencegahan rasuah

Bil.	Inisiatif	Jabatan Bertanggungjawab	Tempoh Pelaksanaan
1	Menyemak semula Polisi Perolehan, Prosedur Tender serta Prosedur Perolehan dan Panel bagi memastikan kawalan dalaman yang sedia ada kekal mantap	Jabatan Perkhidmatan Gunasama	2025 – 2029
2	Mengekalkan pangkalan data penilaian prestasi vendor berpusat yang mantap untuk memberi panduan dalam proses membuat keputusan perolehan	Jabatan Perkhidmatan Gunasama	2025 – 2029
3	Memperluas saluran pelaporan pendedahan maklumat sedia ada bagi memudahkan pendedahan salah laku	Jabatan Integriti dan Tadbir Urus	2025 – 2026

Bab 3

PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

Bab 3 PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

Peranan Jabatan Integriti dan Tadbir Urus, Pemilik Inisiatif dan Badan Kawal Selia

PIDM akan mengekalkan mekanisme pelaporan yang sedia ada, di mana IGD akan memantau secara berkala untuk memastikan inisiatif-inisiatif di bawah OACP 2025 – 2029 dilaksanakan mengikut garis masa yang ditetapkan.

Setiap pemilik inisiatif akan memudahkan pemantauan IGD dengan menyediakan laporan kemajuan mengikut selang masa yang ditentukan. IGD akan menyediakan laporan berkala kepada Pengurusan dan Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit bagi memastikan kejayaan pelaksanaan dan penyempurnaan inisiatif-inisiatif seperti yang dirancang.



Bab 4

KESIMPULAN



Kesimpulan

Di PIDM, tingkah laku beretika dan integriti merupakan asas kepada amalan tadbir urus yang baik. Namun begitu, ia tidak terkecuali daripada risiko rasuah. Menyedari hakikat ini, PIDM telah membangunkan OACP 2025 – 2029 sebagai usaha untuk memperkukuhkan tadbir urus, integriti dan memerangi rasuah. OACP 2025 – 2029 menggariskan inisiatif-inisiatif berimpak tinggi selari dengan seruan Kerajaan untuk memperkukuhkan amalan tadbir urus yang baik. PIDM komited untuk memantau pelaksanaan dan memastikan penyempurnaan setiap inisiatif di bawah OACP 2025 – 2029 demi mencapai matlamat yang disasarkan. Komitmen ini adalah kesinambungan kepada kejayaan pelaksanaan inisiatif-inisiatif seperti yang dirancang dalam OACP sebelum ini.

PENGHARGAAN

Ahli-ahli

Jawatankuasa Eksekutif

Forum Kepimpinan

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi

Jabatan-jabatan

Komunikasi Korporat

Integriti dan Tadbir Urus



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia



PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA

 1-800-88-1266

 info@pidm.gov.my

 www.pidm.gov.my

